



**UNIVERSITI KUALA LUMPUR**  
**Malaysia France Institute**

---

**FINAL EXAMINATION**  
**JANUARY 2010 SESSION**

---

**SUBJECT CODE** : MPW 1143  
**SUBJECT TITLE** : PENGAJIAN ISLAM (ISLAMIC STUDIES)  
**LEVEL** : DIPLOMA  
**TIME / DURATION** : 01.00 pm – 03.00 pm  
( 2 HOURS )  
**DATE** : 29 APRIL 2010

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

---

1. Please read the instructions given in the question paper **CAREFULLY**.
  2. This question paper is printed on both sides of the paper.
  3. Please write your answers on the answer booklet provided.
  4. Answer should be written in blue or black ink except for sketching, graphic and illustration.
  5. This question paper consists of **THREE (3)** sections. Section A, B and C. Answer all questions in Section A and B. For Section C, answer two (2) questions only.
  6. Answer all questions in Bahasa Melayu.
- 

**THERE ARE 8 PAGES OF QUESTIONS, EXCLUDING THIS PAGE.**

---

**BAHAGIAN A (Jumlah: 20 markah)****ARAHAN: Jawab SEMUA soalan.****Sila guna buku jawapan yang disediakan.**

1. Apakah kepentingan ihsan terhadap individu Muslim?
  - A. Membentuk aqidah yang tulen dan teguh.
  - B. Meningkatkan kefahaman dalam *fiqh al-ibadat*.
  - C. Membentuk individu yang mempunyai penampilan yang baik.
  - D. Melahirkan kesungguhan di dalam menjaga kualiti amal soleh.
  
2. Manakah antara berikut merupakan kriteria agama samawi?
  - A. Ciptaan akal dan pengalaman manusia.
  - B. Berdasarkan wahyu dan menolak peranan akal.
  - C. Terdedah kepada perubahan dan tokoh tambah.
  - D. Sentiasa terpelihara melalui pengutusan para rasul.
  
3. Tauhid Rububiyah berkait rapat dengan
  - A. keimanan terhadap *qudrah* dan *iradah* Allah SWT.
  - B. pelaksanaan amal soleh yang hanya ditujukan kepada Allah SWT.
  - C. zat, sifat dan perbuatan Allah SWT yang tidak menyerupai makhluk.
  - D. keindahan nama-nama Allah SWT yang menunjukkan sifat-sifat Allah SWT.
  
4. Pilih kenyataan yang **benar** mengenai susunan keutamaan masalahah.
  - A. Tidak dibenarkan meninggalkan jihad dengan alasan menjaga nyawa.
  - B. Mendahulukan masalahah tahsiniyyat jika bertembung masalahah hajjiyyat.
  - C. Kecederaan anggota badan boleh menggugurkan kewajipan ibadat solat.
  - D. Jihad dan hukuman hudud bagi murtad disyariatkan bagi menjaga agama.
  
5. Konsep ibadah dalam Islam yang tidak membebankan manusia menggambarkan syariat Islam bercirikan
  - A. *rabbani*.
  - B. *murunah*
  - C. *waqi'iyah*.
  - D. *'alamiyyah*.

6. Pilih kenyataan yang menggambarkan ciri *wasatiyyah*.
- A. Sebahagian hukum-hakam Islam berkait rapat dengan faktor persekitaran.
  - B. *Usul al-ibadat* seperti solat tidak boleh menerima sebarang tokok-tambah.
  - C. Memenuhi keperluan fizikal dan rohani dengan kadar yang selayaknya.
  - D. Tidak ada perbezaan di antara orang Arab dan bukan Arab melainkan taqwa.
7. Ilmu naqli bermaksud ilmu yang
- A. mempunyai pengertian yang sama dengan ilmu saintifik.
  - B. berasaskan wahyu Ilahi melalui al-Quran dan al-Sunnah.
  - C. kebenarannya boleh dibuktikan melalui tanggapan pancaindera zahir.
  - D. diperolehi oleh mereka mempunyai hubungan yang dekat dengan Allah.
8. Pilih kenyataan yang **salah** mengenai sumber nilai dalam Islam.
- A. al-Hadith berfungsi memperincikan isi kandungan al-Quran.
  - B. ijtihad adalah persepakatan golongan ulama mujtahid terhadap sesuatu hukum syarak.
  - C. al-Quran ditulis dan dikumpulkan dalam satu mushaf yang lengkap pada zaman khalifah Abu Bakr al-Siddiq.
  - D. al-Quran tidak dicatat pada zaman Rasulullah SAW sebaliknya dipelihara melalui hafalan para sahabat yang mempunyai ingatan yang kuat.
9. Berikut adalah kegiatan sukan yang dilarang oleh Islam **kecuali**
- A. berbentuk penyiksaan terhadap binatang.
  - B. pendedahan aurat kepada penonton oleh atlet.
  - C. bersifat menghiburkan dan menyeronokkan.
  - D. mendatangkan kemudharatan dengan sengaja.
10. Manakah kenyataan yang merujuk kepada kriteria *al-zaman* dalam keharusan muzik menurut pandangan al-Ghazali?
- A. Tidak melalaikan daripada perintah jihad dan melakukan ibadah.
  - B. Tidak melampaui batas dan dibuat dalam keadaan terkawal.
  - C. Tidak disertai dengan perkara-perkara yang diharamkan seperti arak.
  - D. Tidak dimainkan di tempat-tempat yang terkenal dengan simbol maksiat.

11. Pilih kenyataan yang **benar** mengenai martabat manusia.
- A. Tidak boleh mengatasi kemuliaan malaikat.
  - B. Boleh menjadi lebih hina darjatnya daripada haiwan.
  - C. Mempunyai kelebihan akal yang tidak dimiliki oleh malaikat.
  - D. Mampu menyingkirkan nafsu daripada diri melalui ketaqwaan.
12. Madrasah adalah institusi pendidikan Islam di Tanah Melayu yang
- A. mempunyai sistem pengajian yang lebih sistematik.
  - B. wujud selepas zaman kemerdekaan negara.
  - C. lahir lebih awal daripada sistem pengajian pondok.
  - D. melaksanakan sistem pengajian pondok dalam Bahasa Arab.
13. Fungsi Baitul Hikmah yang dibina pada zaman kerajaan Bani Abbasiyyah adalah
- A. pusat pengumpulan, peminjaman dan penterjemahan karya asing.
  - B. institusi pengajian Islam tertinggi yang melaksanakan sistem halaqat.
  - C. masjid utama dan pusat pendidikan tinggi dalam pelbagai bidang ilmu.
  - D. kuttub untuk mengajar para pelajar di peringkat awal ilmu-ilmu asas agama.
14. Pilih kenyataan yang **tidak** tepat mengenai sistem ekonomi kapitalis?
- A. Menerima konsep keuntungan dalam perniagaan.
  - B. Memberi penekanan terhadap kebajikan masyarakat awam terbanyak.
  - C. Memfokuskan aktiviti mengumpul kekayaan yang bersifat individualistik.
  - D. membenarkan pemilikan individu terhadap kegiatan pengeluaran penting negara.
15. Pilih kenyataan yang **benar** mengenai konsep pembiayaan dalam Islam.
- A. Mempunyai persamaan dengan konsep pinjaman.
  - B. Pihak bank akan bertindak sebagai pemiutang kepada peminjam.
  - C. Hendaklah dibayar balik oleh pelanggan kepada bank secara sekaligus.
  - D. Berasaskan kaedah *Bai' Bithaman Ajil* iaitu jualbeli dengan harga bertangguh.
16. Persetujuan di antara pemilik modal dengan pengusaha yang digunakan sebagai salah satu model takaful merujuk kepada aqad
- A. *tabarru'*.
  - B. *mudharabah*.
  - C. *wadi'ah*.
  - D. *wakalah*.



**BAHAGIAN B (Jumlah: 40 markah)****ARAHAN: Jawab SEMUA soalan.****Sila guna buku jawapan yang disediakan.****Soalan 1**

- (a) Berikan pengertian;  
(i) munakahat.  
(ii) muamalat. (2 markah)
- (b) Nyatakan pembahagian ibadah di dalam Islam. (2 markah)
- (c) Senaraikan **dua** contoh hukum dalam kategori munakahat. (2 markah)
- (d) Kemukakan **dua** keadaan hukum jihad bertukar menjadi fardhu ain. (2 markah)
- (e) Jelaskan perbezaan di antara syahid dunia dan akhirat dengan syahid akhirat. (2 markah)

**Soalan 2**

- (a) Jelaskan perbezaan di antara istilah madaniyyat dan hadarah. (2 markah)
- (b) Senaraikan **dua** asas Tamadun Islam. (2 markah)
- (d) Nyatakan **dua** keistimewaan Tamadun Islam. (2 markah)
- (d) Kemukakan **dua** faktor kejayaan tamadun Islam dengan memberikan **satu** contoh yang sesuai untuk setiap faktor tersebut. (4 markah)

**Soalan 3**

- (a) Bilakah hukum perkahwinan menjadi;
- (i) wajib.
  - (ii) makruh.
- (2 markah)
- (b) Nyatakan **empat** langkah yang perlu diambil oleh suami bagi mendidik isteri yang nusyuz.
- (4 markah)
- (c) Jelaskan maksud kedudukan umat Islam sebagai;
- (i) *khayra ummah*.
  - (ii) *ummatan wasatan*.
- (2 markah)
- (d) Senaraikan **dua** batasan yang perlu dipelihara dalam pertemuan di antara lelaki dan wanita yang bukan mahram.
- (2 markah)

**Soalan 4**

- (a) Kemukakan **tiga** ciri negara Islam yang sempurna.
- (3 markah)
- (b) Nyatakan pengertian dan kepentingan bai'ah di dalam sistem politik Islam.
- (2 markah)
- (c) Senaraikan **tiga** peranan yang dilaksanakan oleh para khulafa' al-rasyidin.
- (3 markah)
- (d) Berikan **satu** kesan positif pelaksanaan prinsip-prinsip berikut dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran negara.
- (i) syura.
  - (ii) hisbah.
- (2 markah)

**BAHAGIAN C (Jumlah: 20 markah)**

**ARAHAN: Jawab DUA (2) soalan sahaja.**

**Jawapan hendaklah dikemukakan dalam bentuk esei.**

**Sila guna buku jawapan yang disediakan.**

**Soalan 1**

Penyelewengan aqidah yang berlaku melalui penyebaran pelbagai bentuk ajaran sesat boleh mengganggu-gugat kestabilan masyarakat Muslim.

Terangkan **empat** faktor yang menyebabkan sebahagian anggota masyarakat Muslim hari ini terlibat dengan pelbagai bentuk ajaran sesat.

(10 markah)

**Soalan 2**

Islam tidak menolak aktiviti kesenian sekiranya mematuhi kehendak syarak dan tidak melampaui batas sehingga mengabaikan kewajipan agama dan kehidupan.

Huraikan konsep kesenian menurut perspektif Islam dari segi matlamat, kepentingan dan **dua** kesan positif aktiviti kesenian terhadap pembangunan ummah.

(10 markah)

**Soalan 3**

Sistem pendidikan sesebuah negara hanya berjaya mencapai matlamatnya jika mendapat kerjasama dan penglibatan menyeluruh semua pihak.

Bincangkan peranan yang perlu dimainkan oleh institusi keluarga, masyarakat, ulama dan negara dalam usaha menjayakan matlamat pendidikan Islam.

(10 markah)



**Soalan 4**

Perlaksanaan sistem ekonomi dan kewangan Islam penting bagi mencapai objektif syarak dalam memelihara harta.

Bincangkan **empat** prinsip utama sistem ekonomi dan kewangan Islam dengan mengemukakan contoh-contoh yang sesuai bagi menjelaskan semua prinsip tersebut.

(10 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**